

Penggunaan Bahasa Melayu pada Papan Nama Premis Perniagaan di Sekitar Bandaraya Kuala Terengganu

The use of Bahasa Melayu on Board Names Business Premises Around Kuala Terengganu

MASITAH MUHAMMADIN, ROHAIDAH KAMARUDDIN & SHARIL NIZAM SHA'RI

ABSTRAK

Papan tanda premis perniagaan adalah papan tanda yang dipasang secara tetap oleh syarikat atau peniaga di sesebuah premis perniagaan yang bertujuan untuk memberitahu pengguna mengenai barang keluaran, pengeluaran, perniagaan tred, firma, organisasi, institusi ataupun maklumat lain yang dijalankan di premis tersebut. Namun begitu, terdapat kesalahan dan kecelaruan penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda dan papan iklan yang ditemui di tempat-tempat awam. Situasi ini menggambarkan sikap peniaga atau pengiklan yang tidak prihatin terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat. Justeru, kesalahan dan kecelaruan ini sewajarnya diterokai serta dikaji bagi mengenal pasti bentuk kesalahan, faktor-faktor berlakunya hal sedemikian dan menganalisis aspek kesalahan yang terdapat pada papan tanda tersebut. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti bentuk kesalahan penggunaan ejaan, membincangkan faktor-faktor kesalahan penggunaan ejaan, dan menganalisis aspek kesalahan penggunaan ejaan pada papan tanda atau iklan daripada segi struktur kata. Kajian ini menggunakan kaedah dan tatacara yang merangkumi pemilihan kawasan, pengutipan data di lapangan, penyaringan dan pengekodan data kajian, penganalisisan dan pentafsiran data.

Kata kunci: Papan tanda; premis perniagaan; peniaga; pengguna

ABSTRACT

Signboard made for business premises is the kind of signboard which is designed by companies or any parties for the sake of a business in hope to tell consumes or buyers about any products, trade business, firm, organization, institution or any other information that is being carried out by the companies itself. However, there are mistakes and confusion in the usage of Malay language in the signboards and advertisement boards that can be found at public places. This situation portrays lacking of awareness and concern about the correct and precise use of Malay language. Therefore, these mistakes and confusions should be investigated and studied to find out numbers of aspects about the usage of Malay language used in signboard and advertisement board by these companies' premises and analyzing the data of frequency and percentages of the usage of language in certain aspect as well as to correct the spelling mistakes and also the grammar. This research uses the method and framework which revolve around choosing the area of inspection, collecting data, filtration of data and recording the data, analysing and also interpreting of the data.

Keywords: Signboard; business premises; business; buyer

PENGENALAN

Nama sesebuah perniagaan atau syarikat antaranya dapat diketahui melalui paparan papan nama di premis perniagaan tersebut. Papan nama perniagaan yang terpapar pada premis perniagaan dapat diibaratkan sebagai 'duta' kepada sesebuah perniagaan. Kejayaan atau kegagalan sesebuah perniagaan meskipun tidaklah seratus peratus bergantung pada papan nama perniagaan, tetapi papan nama perniagaan yang berkesan diyakini berupaya memberikan imej yang baik kepada perniagaan berkenaan.

Papan nama perniagaan bukan sekadar mempamerkan nama sesebuah perniagaan tetapi turut menampilkan beberapa maklumat tambahan yang berkaitan dengan perniagaan tersebut, seperti jenis barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan, serta alamat premis dan nombor telefon syarikat tersebut. Untuk memancing perhatian khalayak, papan nama premis turut dibuat dalam bentuk yang menarik, seperti menggunakan gaya tulisan yang menarik, warna yang ceria, dan dilengkapi dengan neon yang berkerdipan untuk memudahkannya dilihat pada waktu malam.

Papan nama perniagaan secara tidak langsung dapat berkomunikasi secara senyap dengan pelanggan dan bakal pelanggannya. Komunikasi tanpa suara itu berlangsung apabila paparan mesej yang terdapat pada papan nama perniagaan itu dibaca oleh khalayak yang melihatnya. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa ada sesetengah papan nama perniagaan yang gagal berkomunikasi secara baik dengan khalayak yang melihat dan membacanya. Kegagalan itu berpunca daripada pemilik perniagaan itu sendiri, seperti tidak menggunakan bahasa Melayu yang baik dan mengutamakan penggunaan bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Selain itu, ada juga bahasa Melayu yang dicampur adukkan dengan bahasa Inggeris. Apabila hal itu terjadi, matlamat kewujudan papan nama perniagaan itu tidak akan tercapai sepenuhnya kerana ada antaranya tidak difahami oleh khalayak yang melihatnya. Dengan hal yang demikian, mesej yang ingin disampaikan oleh pemilik perniagaan kepada khalayak tidak akan sampai.

Sikap pemilik perniagaan yang terlalu mengambil mudah terhadap penggunaan bahasa Melayu amat dikesalkan. Dalam hal ini, selain sikap pemilik perniagaan, pihak yang meluluskan pendaftaran sesuatu syarikat turut bertanggungjawab. Nama syarikat yang tidak menggunakan bahasa Melayu dengan baik, menggunakan bahasa asing sepenuhnya, atau menggunakan bahasa yang bercampur, sepatutnya tidak diluluskan pendaftarannya.

Antara nama syarikat yang menggunakan bahasa asing yang terdapat di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu, iaitu tempat yang akan dijalankan kajian, *Best Trade*, *Elite Com*, dan *Medan Communication Centre*. Selain itu, ada juga nama syarikat yang menggunakan bahasa Melayu yang tidak betul dan bercampur dengan bahasa Inggeris, seperti *Anuar Ayam Proses*, *Azlina Restoran*, dan *Aik Hua Enterprise*. Nama-nama tersebut bukan sahaja tidak mencerminkan aspirasi dan cita-cita nasional, tetapi secara tidak langsung turut merendahkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, dan bahasa yang boleh digunakan dalam institusi perniagaan.

Sebagai warganegara yang baik, di samping mengejar keuntungan dalam perniagaan, golongan peniaga seharusnya turut melaksanakan tanggungjawab sosialnya, khususnya dalam hal memartabatkan penggunaan bahasa Melayu. Sekiranya aspek penggunaan bahasa Melayu dalam

papan nama perniagaan diabaikan, hal tersebut akan memberikan gambaran yang tidak baik tentang penggunaan bahasa Melayu. Bahasa Melayu akan dikatakan seolah-olah tiada peraturannya dan boleh digunakan sesuka hati.

Di sekolah, kanak-kanak diajar dalam mata pelajaran Sejarah dan diterangkan bahawa negara Malaysia sudah lama bebas daripada belenggu penjajahan. Walau bagaimanapun, tanpa disadari minda sebahagian daripada rakyat masih lagi dijajah. Penggunaan bahasa asing dalam papan nama perniagaan masih lagi dominan, dan kedudukan bahasa Melayu pula bagaikan berstatus anak tiri secara jelas menunjukkan bahawa minda rakyat Malaysia sememangnya dijajah.

Walhal, tiada cacatnya jika nama sesuatu perniagaan menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan negara, bahasa Melayu perlulah diutamakan penggunaannya, termasuklah dalam urusan perniagaan. Dengan cara tersebut, nilai ekonomi bahasa Melayu akan dapat ditingkatkan.

Justeru, kesalahan dan kecelaruan ini sewajarnya diterokai serta dikaji bagi mengenal pasti bentuk kesalahan, faktor-faktor berlakunya hal sedemikian dan menganalisis aspek kesalahan yang terdapat pada papan tanda tersebut. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti bentuk kesalahan penggunaan ejaan, membincangkan faktor-faktor kesalahan penggunaan ejaan, dan menganalisis aspek kesalahan penggunaan ejaan pada papan tanda atau iklan daripada segi struktur kata.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Meninjau dan mengenal pasti beberapa aspek kesalahan penggunaan bahasa yang digunakan pada papan tanda premis perniagaan.
2. Mengumpul dan menganalisis data kekerapan dan peratus kesalahan penggunaan bahasa dalam aspek tertentu serta membetulkan kesalahan tersebut mengikut aturan tatabahasa.

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan menentukan tahap penggunaan bahasa Melayu dalam aspek tertentu seperti ejaan, penggunaan kata dan struktur ayat. Pemilihan

tempat kajian pula terhad di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu kerana Bandaraya Kuala Terengganu merupakan ibu negeri yang tentu sekali mempunyai banyak papan tanda premis perniagaan berbanding dengan bandar-bandar lain di negeri Terengganu. Sebanyak 25 buah premis perniagaan yang akan dikaji mengenai papan tanda premis mereka dan seramai 100 responden yang terlibat dalam kajian ini antaranya ialah pemilik premis perniagaan, pekerja premis perniagaan dan orang awam. Lingkungan umur responden pula di antara 20 hingga 55 tahun.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual dengan pemilik premis perniagaan, pekerja premis perniagaan dan orang awam. Soalan temu bual yang diolah oleh pengkaji yang telah dipilih berdasarkan kajian-kajian mengenai penggunaan papan nama premis perniagaan di tempat awam. Kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden bagi meninjau sejauh manakah pengetahuan mereka terhadap

penggunaan bahasa Melayu di tempat awam. Pengumpulan data dilakukan dengan merakam data secara terus di lokasi kajian. Seterusnya, tahap penggunaan BM diukur berdasarkan tiga skala penilaian mengikut aras keutamaan, iaitu (i) mengutamakan (ii) kurang mengutamakan dan (iii) tidak mengutamakan. Tahap pematuhan tatabahasa pula diukur berdasarkan penggunaan yang betul dan tepat menurut Tatabahasa Dewan dan pengukurannya ditunjukkan melalui dua skala perbandingan, iaitu (i) patuh dan (ii) tidak patuh. Dalam menentukan tahap pematuhan ini enam aspek tatabahasa telah dianalisis, iaitu (i) penggunaan struktur frasa atau ayat, (ii) penggunaan ejaan, (iii) pemilihan perkataan, (iv) penggunaan imbuhan, (v) penggunaan tanda baca, dan (vi) penggunaan bahasa bercampur (rojak).

DAPATAN KAJIAN

KESALAHAN PENGGUNAAN BAHASA YANG DIGUNAKAN PADA PAPAN TANDA PREMIS PERNIAGAAN

JADUAL 1. Papan Tanda Premis Perniagaan di Sekitar Bandaraya Kuala Terengganu yang dipilih untuk Kajian

Kategori Perniagaan	
<p>1. Kedai Makan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Restoran Makang Sekak-sekak Nok - Mee Goreng RM1.90 Mok Kite Marah Jual Mahal - Isma Nasi Ayam - D'warung Udang Galah <i>Power</i> <p>2. Kedai Komputer</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Best Trade</i> 	<p>3. Kedai Perabot</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perabut Huat Sin - Perabut Jati <p>4. Kedai Jahit</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kedai Jahitan Aziz <p>5. Kedai Dobi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dobi Din

Antara kesalahan penggunaan bahasa yang digunakan pada papan tanda premis perniagaan jenis kedai makan ialah penggunaan loghat setempat contohnya Restoran Makang Sekak-sekak Nok dan juga Mee Goreng RM1.90 Mok Kite Marah Jual Mahal. Kesalahan ini akan dibincangkan pada bahagian jenis-jenis aspek kesalahan tatabahasa di bawah. Manakala Isma Nasi Ayam pula mempunyai kesalahan daripada segi frasa dan D'warung Udang Galah *Power* mempunyai kesalahan daripada segi penggunaan bahasa bercampur (bahasa Rojak).

Seterusnya ialah premis perniagaan jenis kedai komputer iaitu *Best Trade* yang mempunyai


kesalahan daripada segi penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya. Kedai Perabot pula iaitu Perabut Huat Sin dan Perabut Jati mempunyai kesalahan daripada segi ejaan. Kedai Jahit iaitu Kedai Jahitan Aziz pula mempunyai kesalahan daripada segi morfologi (penggunaan imbuhan). Akhir sekali jenis perniagaan Kedai Dobi iaitu Dobi Din mempunyai kesalahan daripada segi morfologi (kata nama khas). Huraian yang lebih lanjut mengenai setiap kesalahan adalah pada bahagian analisis daripada segi aspek tatabahasa di bawah.

Oleh hal yang sedemikian, didapati bahawa kajian ini amat selari dengan teori kesalahan

dan kesilapan bahasa oleh Coder (1981), yang menyatakan bahawa analisis kesilapan yang membawa maksud teknik untuk mengukur kemajuan belajar bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh seseorang atau kelompok (Harimurti Kridalaksana 1983). Kenyataan ini ditegaskan lagi oleh Juriah dan kawan-kawan (1994), dengan menyatakan bahawa kesilapan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur bahasa dan kesilapan itu meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah.

TAHAP PENGGUNAAN BAHASA MELAYU


Rajah 1 menunjukkan tahap penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda yang terdiri daripada 10 buah premis perniagaan yang meliputi pelbagai jenis perniagaan. Secara keseluruhannya, peratusan yang mengutamakan penggunaan bahasa Melayu ialah 30%, manakala premis yang kurang mengutamakan bahasa Melayu ialah 20% dan tidak mengutamakan bahasa Melayu ialah 50%. Peratusan ini menunjukkan penggunaan bahasa Melayu berada pada tahap kurang memuaskan.



RAJAH 1. Tahap Penggunaan Bahasa Melayu Secara Keseluruhan

TAHAP PEMATUHAN TATABAHASA

Pematuhan tatabahasa bermaksud bahasa yang digunakan di tempat awam itu mematuhi peraturan tatabahasa bahasa Melayu seperti yang dihuraikan di dalam buku Tatabahasa Dewan. Dengan kata lain, bahasa yang digunakan itu tidak melakukan kesalahan tatabahasa. Tahap pematuhan diukur berdasarkan penilaian daripada segi penggunaan tatabahasa sama ada betul atau salah dalam dua skala, iaitu (i) patuh dan (ii) tidak patuh.



RAJAH 2. Tahap Pematuhan Tatabahasa Secara Keseluruhan

JENIS-JENIS KESALAHAN ASPEK TATABAHASA

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, daripada 10 buah premis perniagaan yang menggunakan bahasa Melayu, hanya tiga buah premis sahaja didapati patuh kepada tatabahasa bahasa Melayu. Sebaliknya, tujuh buah premis lagi didapati telah melakukan kesalahan tatabahasa. Analisis dalam bahagian ini tertumpu kepada sampel yang tidak mematuhi tatabahasa bahasa Melayu dengan tujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan tatabahasa yang telah dilakukan. Aspek kesalahan tatabahasa bahasa Melayu yang dianalisis meliputi enam perkara, iaitu ejaan, penggunaan tanda baca, pemilihan perkataan, penggunaan imbuhan, dan percampuran bahasa.

JADUAL 2. Kesalahan Penggunaan Bahasa Melayu Pada Papan Tanda Perniagaan

Bil	Jenis kesalahan	Contoh kesalahan
1.	Penggunaan loghat setempat iaitu loghat negeri Terengganu	1. Restoran Makang Sekak-sekak Nok 2. Mee Goreng RM1.90 Mok Kite Marah Jual Mahal
2.	Penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya	1. <i>Best Trade</i>
3.	Ejaan	1. Perabut Huat Sin 2. Perabut Jati
4.	Morfologi (Penggunaan imbuhan dan Kata Nama Khas)	1. Kedai Jahitan Aziz 2. Dobi Din
5.	Frasa	1. Isma Nasi Ayam
6.	Penggunaan bahasa bercampur (bahasa rojak)	1. D'warung Udang Galah <i>Power</i>

PENGGUNAAN LOGHAT SETEMPAT IAITU LOGHAT NEGERI TERENGGANU

Pengaruh penggunaan loghat setempat ini amat berleluasa digunakan pada papan tanda premis perniagaan di sekitar Bandaraya Terengganu. Hal ini demikian kerana, berdasarkan portal *Visit Terengganu* menyatakan bahawa loghat Terengganu merupakan salah satu loghat yang unik di Malaysia. Loghat ini terkenal dengan sebutan yang mempunyai penekanan terhadap huruf 'G' pada kebanyakan perkataan. Contohnya perkataan makan disebut "makang". Selain itu, Noor Masri juga menyatakan bahawa loghat Terengganu mempunyai suku kata yang sering memperkuat lagi perkataan yang sebelumnya atau lebih dikenali sebagai kata penegasan. Contohnya "makang sekak-sekak nok" yang membawa maksud makan setakat yang dikehendaki.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, terdapat dua buah daripada lapan buah premis perniagaan yang dikaji didapati menggunakan loghat setempat dalam papan tanda premis perniagaan mereka. Penggunaan loghat pada papan tanda berlaku pada jenis perniagaan kedai makan iaitu 'Restoran Makang Sekak-sekak Nok' dan 'Mee Goreng RM1.90 Mok Kite Marah Jual Mahal'. Restoran Makang Sekak-sekak Nok ini membawa maksud Restoran makan setakat yang dikehendaki dan Mee Goreng RM1.90 Mok Kite Marah Jual Mahal pula membawa maksud Mee Goreng RM1.90 Mak Kita Marah Jual Mahal. Pengkaji mendapati bahawa peniaga mengambil jalan mudah dalam proses penamaan papan nama premis perniagaan mereka kerana terbiasa dengan loghat daerah selain untuk tujuan mempromosikan kedai mereka. Kajian ini sejajar dengan pendapat Carl James (1998) dalam teori analisis kesalahan dan kesilapan bahasa yang menyatakan bahawa

berlakunya kesilapan intralingual melibatkan kesilapan bentuk/pola perkataan. Kesilapan intralingual merangkumi kesilapan pemilihan pola kata termasuk pola yang tidak diterima dalam sesuatu bahasa, ejaan, pengguguran dan penambahan perkataan atau dinamakan sebagai 'kelewahan kata' dalam ayat, kolokasi, penggunaan perkataan yang sukar difahami dan penciptaan perkataan yang tidak diterima oleh bahasa sasaran. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa berlaku penambahan fonem di belakang suku kata contohnya 'makan' menjadi 'makang' iaitu penambahan fonem /g/.

PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS SEPENUHNYA

Menurut Rahimi Arifin (2011), papan tanda yang dipamerkan pada setiap premis perniagaan masih tidak memuaskan kerana tidak mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan malah sebaliknya menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya pada papan tanda perniagaan mereka. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, terdapat premis yang menggunakan sepenuhnya bahasa Inggeris pada papan nama perniagaan mereka iaitu *Best Trade*. Menurut Teori Analisis Kesalahan Dan Kesilapan Bahasa, terdapat kesilapan interlingual yang merangkumi kesilapan terjemahan secara literal daripada bahasa ibunda, penciptaan kata (*word coinage*), peminjaman bahasa (*borrowing*), pinjam terjemahan (*loan translation*), dan pengalihan kod (*code switching*). Hasil daripada temu bual pengkaji dengan peniaga premis perniagaan, didapati bahawa peniaga gemar menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam penamaan premis perniagaan mereka kerana mereka merasakan bahawa bahasa Inggeris berada pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding bahasa Melayu.

KESALAHAN EJAAN

Sememangnya kesalahan ejaan dapat dikesan berlaku pada pelbagai perkara dan di mana-mana sahaja tidak terkecuali dalam penggunaan bahasa pada papan tanda perniagaan. Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, kesalahan ejaan ini terus berlaku kerana segelintir peniaga tidak menggantikan papan tanda perniagaan mereka yang masih menggunakan sistem ejaan yang lama dengan papan tanda perniagaan baru yang menggunakan sistem ejaan yang baru. Selain itu, terdapat juga papan tanda perniagaan yang dikesan sudah digantikan dengan papan yang baru namun masih lagi terdapat kesalahan bahasa papan tanda tersebut.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, terdapat dua buah premis perniagaan yang mempunyai kesalahan ejaan pada papan tanda perniagaan mereka iaitu kedai Perabut Huat Sin dan Perabut Jati. Kesalahan ejaan ini terdapat pada perkataan “perabut”. Awang Sariyan (1995), menyatakan bahawa perkataan “perabot” merupakan pinjaman bahasa Jawa yang seharusnya dieja mengikut pola keselarasan pengecualian vokal. Berikut dipaparkan penjelasan tentang kesalahan.

Contoh :

Pola vokal	Kata daripada bahasa Jawa
e (pepet) – o	Perabot

Oleh itu, Perabut Huat Sin sepatutnya dieja sebagai Kedai Perabot Huat Sin manakala Perabut Jati pula dieja sebagai Kedai Perabot Jati.

KESALAHAN MORFOLOGI (PENGUNAAN IMBUHAN DAN KATA NAMA KHAS)

Daripada kajian yang telah dijalankan, terdapat dua jenis kesalahan morfologi yang dapat dikesan pada papan tanda premis perniagaan di Bandaraya Kuala Terengganu. Dua jenis kesalahan tersebut ialah kesalahan daripada aspek pembentukan kata terbitan yang berimbuhan akhiran-an dan penggunaan kata nama khas yang terdapat pada papan tanda premis perniagaan yang telah dikaji.

Terdapat banyak premis perniagaan yang meletakkan imbuhan akhiran –an pada perkataan yang sepatutnya tidak memerlukan imbuhan akhiran-an ini. Namun begitu, hanya sebuah premis sahaja yang dijadikan sampel dalam kajian ini iaitu

Kedai Jahitan Aziz. Sepatutnya pada perkataan “jahitan” hanya perlu ditulis dengan perkataan “jahit” kerana perkataan ini merupakan kata nama bagi kedai berkenaan. Oleh itu, Kedai Jahitan Aziz sepatutnya dieja sebagai Kedai Jahit Aziz.

Selain daripada kesalahan morfologi imbuhan akhiran-an, terdapat juga kesalahan morfologi berbentuk kata nama khas. Kesalahan ini berlaku apabila tiada kata nama “kedai” diletakkan di hadapan frasa nama bagi menjadikannya sebagai kata nama khas. Situasi ini jelas bertentangan dengan prinsip penggunaan kata nama khas. Menurut Ismail Dahaman (1997), setiap syarikat atau perniagaan perlulah meletakkan kata nama “kedai” di hadapan frasa nama untuk menjadikannya sebagai kata nama khas.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, terdapat premis perniagaan yang tidak meletakkan perkataan “kedai” di hadapan frasa nama seperti Dobi Din. Sepatutnya Dobi Din ini dieja seperti Kedai Dobi Din. Jelaslah bahawa terdapat papan tanda perniagaan yang mempunyai kesalahan bagi kata nama khas iaitu menggugurkan kata nama “kedai” pada papan tanda perniagaan mereka. Oleh itu, kata nama khas bagi premis perniagaan ini tidak lengkap kerana tidak dilengkapi dengan kata nama bagi menukarkannya kepada kata nama khas.

KESALAHAN FRASA

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa kesalahan frasa banyak tertumpu kepada kesalahan Hukum D-M yang terdapat pada papan tanda premis perniagaan di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu. Kebanyakan kesalahan frasa yang dikesan ini sebenarnya lebih kepada kesalahan Hukum D-M iaitu kebanyakan papan tanda perniagaan ini menggunakan Hukum M-D dalam menulis nama kedai yang bertentangan dengan tatabahasa bahasa Melayu yang menggunakan Hukum D-M.

Ismail Dahaman (1997), menyatakan bahawa masih terdapat nama khas yang terbentuk tidak mengikut kaedah yang sesuai dengan tatabahasa bahasa Melayu, iaitu susunan unsur-unsurnya tidak mengikut Hukum D-M. Beliau menambah lagi bahawa terdapat nama khas yang dibentuk tidak mengikut pembentukan frasa dalam bahasa Melayu, sebaliknya mengikut Hukum M-D, iaitu frasa dua atau lebih unsur yang didahului oleh bahagian atau kata “yang menerang”. Maksudnya, susunan rangkai

katanya mengikut ciri pembentukan dalam bahasa Inggeris, bahasa Tamil, dan bahasa Cina.

Ciri pembentukan frasa dalam ketiga-tiga bahasa ini telah mempengaruhi pembentukan frasa nama khas dalam bahasa Melayu, terutamanya nama khas yang dibina oleh orang bukan Melayu atau mereka yang lebih menguasai aturan bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil tetapi tidak menguasai bahasa Melayu.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat premis perniagaan yang melakukan kesalahan seperti ini pada papan tanda perniagaan mereka. Seperti yang diteliti, papan tanda perniagaan tersebut menggunakan hukum M-D iaitu mendahulukan keterangan bagi unsur yang diterangkan (objek) dan diikuti unsur yang menerangkan (keterangan objek). Kesalahan frasa bersifat Hukum D-M dapat dilihat pada Isma Nasi Ayam kerana meletakkan unsur yang menerangkan iaitu kata nama "Isma" di hadapan sebelum diikuti dengan kata nama "nasi ayam". Kata "nasi ayam" merupakan unsur yang diterangkan (objek) dan haruslah berada di hadapan frasa dan barulah diikuti dengan kata nama "Isma" yang bertindak menerangkan objek. Oleh itu, Isma Nasi Ayam sepatutnya dieja dengan Kedai Nasi Ayam Isma.

PENGGUNAAN BAHASA BERCAMPUR (BAHASA ROJAK)

Siti Hajar Elah (2012), menyatakan kesalahan dan kecelaruan penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda dan papan iklan masih lagi ditemui di tempat-tempat awam. Dalam hal ini, soal betul atau salah penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda mahupun papan iklan bukan menjadi pertimbangan utama peniaga dan pengiklan, sebaliknya mereka hanya mementingkan bahasa yang digunakan pada papan tanda yang mereka anggap dapat difahami oleh pengguna. Justeru, terdapat segelintir peniaga dan pengiklan yang mencampuradukkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau menjadikan "bahasa rojak" pada papan tanda premis mereka.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati banyak premis perniagaan menggunakan bahasa rojak pada papan tanda premis perniagaan mereka. Tetapi dalam kajian ini, hanya sebuah premis sahaja yang dijadikan sampel iaitu D'warung Udang Galah *Power*. D'warung Udang Galah *Power* membawa maksud D'warung Udang Galah Berkuasa.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa kajian ini selari dengan kajian Wyatt dan Chen yang juga menggunakan teori analisis kesalahan dan kesilapan bahasa oleh Corder (1981). Menurut kajian mereka, antara kategori ciri kesilapan yang biasa dilakukan oleh pelajar adalah daripada segi (mengikut kekerapan), ejaan, tanda bacaan, struktur ayat, kesalahan tatabahasa, kekeliruan atau salah guna perkataan dan simpulan bahasa, bahasa ringkas, pemendekan, ayat bergantung dan bahasa yang tidak standard, pengulangan, ujaran-ujaran yang kaku dan tidak bermakna langsung serta kecuaiian. Situasi ini juga dapat dilihat berdasarkan kajian ini di mana pemilik premis perniagaan turut melakukan kesalahan tatabahasa seperti di atas.

KELEMAHAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau penggunaan ejaan pada papan tanda premis perniagaan di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu. Antara kelemahan kajian penggunaan ejaan pada papan nama premis perniagaan ialah sikap sesetengah pihak peniaga yang mengabaikan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Terengganu menyebabkan penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda premis perniagaan masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan papan nama premis perniagaan yang dipasang pada bahagian atas di hadapan kedai. Ada sesetengah papan nama tersebut menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya, menggunakan bahasa Cina tanpa padanannya dalam bahasa kebangsaan dan ada juga yang hanya menggunakan bahasa kebangsaan seolah-olah sebagai syarat sahaja, iaitu sebagai keterangan tentang khidmat yang disediakan.

Selain itu, sikap peniaga yang gemar atau biasa menggunakan singkatan dan bahasa ringkas dalam penamaan premis perniagaan mereka. Dalam hal ini, aspek yang selalu ditekankan adalah untuk menarik perhatian khalayak yang membacanya atau mungkin disebabkan faktor keterbatasan ruang. Walau bagaimanapun, ada ketikanya, bahasa yang digunakan cukup mengelirukan. Sesetengah daripada mereka mencampuradukkan bahasa yang tidak sepatutnya, seperti bahasa daerah atau bahasa popular. Contohnya, perkataan 'otai' yang asalnya *old timer*. Perkataan ini lama-kelamaan telah menjadi biasa dan akhirnya digunakan dengan meluas oleh khalayak pengguna.

Di samping itu, penggunaan dialek tempatan oleh peniaga dalam proses penamaan papan tanda premis perniagaan mereka juga merupakan penyebab berlakunya pencemaran bahasa ini. Penggunaan dialek ini menjadi punca pencemaran bahasa Melayu kerana peniaga mengambil jalan mudah dan cenderung menggunakan bahasa dialek atau daerah sebagai komunikasi dengan alasan khalayak yang melihatnya lebih mudah memahami sesuatu yang disampaikan. Contoh premis perniagaan di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu terpengaruh dengan dialek mereka seperti menamakan premis perniagaan tersebut dengan nama “mok kite marah kalau jual mahal” yang bermaksud “mak saya marah kalau jual mahal”.

KEKUATAN KAJIAN

Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) haruslah memainkan peranan dalam memastikan tahap penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda premis perniagaan diberikan perhatian yang serius kerana bahasa memainkan peranan yang penting sebagai media perantaraan dalam menyampaikan maklumat. Tegasnya, penggunaan bentuk bahasa yang standard dan betul akan mendorong penggunaan bahasa yang betul dalam kalangan penutur. Sebagai sebuah negeri destinasi pelancongan, setidak-tidaknya penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan tanda premis perniagaan memberikan panduan yang jelas kepada pelancong-pelancong tempatan dan luar negara di samping mendedahkan bentuk bahasa Melayu yang betul kepada pelancong asing yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Sebenarnya, kerajaan negeri Terengganu telah menetapkan beberapa syarat berkaitan penyediaan papan tanda di premis perniagaan. Hal ini jelas terkandung dalam Rancangan Tempatan 1999.-2010 Majlis Perbandaran Kuala Terengganu di bawah tajuk Garis Panduan Bangunan Perniagaan yang menetapkan semua papan iklan perniagaan diwajibkan menggunakan bahasa Melayu, tulisan jawi digalakkan dan penggunaan bahasa kedua dibenarkan dengan syarat tulisannya lebih kecil daripada bahasa Melayu.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada penulis iklan atau papan tanda. Untuk menghasilkan lebih banyak lagi iklan dan papan tanda bahasa Melayu yang berkualiti, bilangan penulis iklan dan papan tanda yang mahir dalam bahasa Melayu perlulah

ditingkatkan. Hal ini perlu dilakukan kerana kebanyakan daripada mereka yang ada sekarang lebih kepada penterjemahan iklan, bukannya penulis iklan asli dalam bahasa Melayu. Sekiranya sesuatu iklan atau papan tanda itu dihasilkan atas dasar terjemahan semata-mata, iklan atau papan tanda tersebut akan kelihatan tidak hidup kerana tiada “jiwa” dan identiti Melayunya. Untuk menarik perhatian khalayak, terutamanya orang Melayu, “jiwa” dan identiti Melayu itu amat diperlukan.

Adalah diharapkan melalui kajian ini, orang ramai terdedah dengan aspek kesalahan dan pencemaran bahasa yang terdapat pada papan nama premis perniagaan yang terus berlaku di sekeliling mereka. Ketidakprihatinan masyarakat terhadap kesalahan bahasa memberikan imej yang negatif terhadap bahasa itu sendiri. Oleh hal yang demikian, sekurang-kurangnya melalui kajian ini masyarakat diberitahu dengan jelas tentang penggunaan bahasa yang tepat pada papan nama premis perniagaan dan tidak mengulangi kesalahan tersebut

RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, antara jenis kesalahan bahasa yang telah dikesan ialah penggunaan loghat setempat iaitu dialek Terengganu yang mempunyai penekanan terhadap huruf ‘G’ dan juga unsur penegasan pada kebanyakan perkataan, penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya, penggunaan bahasa bercampur (bahasa Rojak), kesalahan ejaan iaitu menggunakan sistem ejaan yang lama, kesalahan morfologi yang berfokus kepada penggunaan imbuhan dan kata nama khas, dan akhir sekali iaitu kesalahan frasa banyak tertumpu kepada kesalahan Hukum D-M.

Daripada kesalahan bahasa yang dikaji, didapati tahap penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda menunjukkan peratusan yang paling tinggi ialah tidak mengutamakan bahasa Melayu iaitu sebanyak 50%. Manakala tahap pematuhan tatabahasa pula menunjukkan bahawa tahap tidak patuh lebih tinggi berbanding tahap patuh.

Berdasarkan jadual dan rajah perbincangan di atas, secara keseluruhannya didapati bahawa peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu yang melibatkan pelbagai jenis kategori perniagaan tidak mematuhi penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda mereka. Namun, terdapat juga peniaga yang mengetahui tentang syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam pemasangan papan tanda dan menggunakan

bahasa Melayu dengan baik setelah mendapat rujukan daripada DBP dan PBT walaupun sebilangan kecil sahaja yang mematuhi.

CADANGAN DAN SARANAN

Bagi meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dan di samping mengurangkan kesalahan tatabahasa pada papan tanda premis perniagaan, beberapa cadangan serta saranan penambahbaikan dikemukakan.

Pertama, semua PBT perlu menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang sedia termaktub dalam Undang-undang Kecil berkaitan penggunaan bahasa Melayu di setiap kawasan pentadbiran PBT dan negeri. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan ini perlu dilaksanakan pada peringkat awal ketika memproses kelulusan sesuatu permohonan baru dan pembaharuan lesen perniagaan. Undang-undang dan peraturan berkaitan penggunaan bahasa Melayu yang kurang berkesan atau agak longgar perlu diteliti semula dan dikemas kini serta diselaraskan untuk semua kawasan pentadbiran PBT di Malaysia. Bagi premis yang sudah mendapat kelulusan tetapi gagal mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedia termaktub, tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan dengan mengeluarkan arahan atau notis pembetulan, menurunkan papan tanda yang dipamerkan, mengenakan kompaun, dan denda.

Hal ini demikian kerana, tidak semua papan tanda itu dihasilkan oleh agensi profesional, yang sememangnya ada kepakarannya dalam hal yang berkaitan dengan papan tanda dan juga penggunaan bahasa Melayu yang baik. Sesetengah papan tanda itu dihasilkan sendiri oleh pemilik premis perniagaan yang menyebabkan kadang-kadang aspek kualiti bahasa Melayu yang digunakan kurang dititikberatkan. Dalam hal ini, pihak PBT sewajarnya membantu mereka dalam penulisan dan penyediaan papan tanda yang betul. PBT juga perlulah menetapkan syarat tertentu kepada pemilik premis perniagaan sebelum meluluskan pemasangan papan tanda. Antara syaratnya termasuklah mewajibkan draf sesuatu papan tanda itu diluluskan oleh DBP terlebih dahulu sebelum sesuatu papan tanda itu dibuat. Yang dimaksudkan dengan kelulusan itu ialah kelulusan daripada segi penggunaan bahasa Melayu. Namun begitu, berdasarkan kajian yang dibuat, didapati bahawa pemilik premis perniagaan ini mempunyai banyak alasan yang sering diberikan kepada pihak PBT seperti, "Papan tanda sudah siap, dan kalau diubah akan melibatkan kos yang banyak". Hal ini

telah menyebabkan pihak PBT berada dalam keadaan serba salah.

Kedua, bagi memastikan penggunaan bahasa yang tidak menyalahi peraturan tatabahasa bahasa Melayu pada papan tanda, PBT perlu mewujudkan jawatan pegawai bahasa di setiap kawasan pentadbirannya. Pegawai ini bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dan pemantauan dalam memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Mereka juga bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat, panduan, dan teguran kepada pelanggan PBT. Bagi pegawai lain pula, walaupun tidak terlibat secara langsung dalam hal-hal kebahasaan, mereka juga perlu peka terhadap peraturan-peraturan dan undang-undang berkaitan penggunaan bahasa Melayu. Pegawai-pegawai ini diwajibkan untuk menghadiri bengkel dan kursus penataran BM dan penulisan teknikal dengan kerjasama DBP daripada semasa ke semasa.

Ketiga, bagi meningkatkan kesedaran pegawai PBT dan orang awam, kempen kesedaran seperti 'Cintailah Bahasa Kita' perlu dilaksanakan daripada semasa ke semasa dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, keyakinan dan kecintaan pegawai PBT dan orang awam dalam mengutamakan penggunaan bahasa Melayu. Pada masa yang sama, dalam usaha kerajaan menentukan Indeks Pencapaian Utama (*Key Performance Index-KPI*) sesuatu PBT, kriteria tahap penggunaan dan pematuhan bahasa Melayu di kawasan pentadbiran PBT berkenaan perlu diambil kira sebagai salah satu komponen penilaian.

Keempat, sebagai satu badan yang bertanggungjawab merancang, membina, dan memperkasakan bahasa Melayu, DBP disarankan membantu PBT dan orang awam dalam konteks mengutamakan penggunaan bahasa Melayu serta tidak menyalahi peraturan tatabahasa di tempat awam. Antaranya DBP menyediakan buku panduan, memberi khidmat nasihat dan bimbingan, menganjurkan bengkel penataran bahasa, memberi penghargaan melalui Anugerah Citra Bahasa kepada PBT yang cemerlang dan komited memartabatkan bahasa Melayu. Perkhidmatan tersebut boleh didapati di DBP Ibu Pejabat di Kuala Lumpur, DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, DBP Wilayah Selatan di Johor Bharu, DBP Wilayah Timur di Kota Bharu dan juga DBP Cawangan Sabah dan Sarawak. Di samping itu, DBP juga sedang melaksanakan usaha bagi memperluas khidmat Pengesahan Bahasa secara dalam talian.

RUJUKAN

- Awang Sariyan. 1995. *Mari Berbahasa Baku; Sebutan Baku dan Ejaan Rumi*. Kuala Lumpur. Synergymate Sdn. Bhd.
- Carl James. 1998. *Errors in Language Learning and Use*. Longman.
- Corder S. P. 1981. *Error Analysis and Interlanguage*. London: University Press.
- Harimurti Kridalaksana. 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Ismail Dahaman. 1997. *Nama Khas dan Iklan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juriah Long et. al. 1990. *Perkaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rahimi Arifin. 2011. *Penguatkuasaan Bahasa dalam Iklan Tanggungjawab Bersama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Elah. 2012. *Gunakanlah Bahasa Melayu dengan Betul, Tepat dan Berkesan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.visit-terengganu.net/loghat-terengganu/> -diakses pada [12 Mei 2015]

Masitah Muhammadin
Pelajar Sarjana,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail : masitahmuhammadin9212@gmail.com

Rohaidah Kamaruddin, Ph. D.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA
E-mail: rohaidah_k@upm.edu.my

Sharil Nizam Sha'ri, Ph. D.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: sharil@upm.edu.my

Diserahkan: 7 Jun 2017
Diterima: 15 Januari 2018

Soalan Temu Bual

Adakah tuan/puan mengetahui sama ada nama syarikat tersebut dieja dengan betul atau tidak mengikut ejaan standard bahasa Melayu?

Sepanjang penglibatan tuan/puan di dalam dunia perniagaan, adakah tuan/puan mengetahui tentang kepentingan papan tanda tersebut?

Mengapakah nama syarikat tersebut dipilih untuk dipaparkan pada papan tanda premis perniagaan tuan/puan?

Sekiranya tuan/puan mendapati bahawa terdapat kesalahan ejaan pada papan tanda premis perniagaan tuan/puan, apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh tuan/puan?

Adakah tuan/puan mengetahui bahawa adanya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) yang boleh memberi bantuan khidmat bahasa yang standard untuk digunakan pada papan tanda premis perniagaan tuan/puan?